



Ixus 300HS anggun bergaya

PRODUK: Canon Ixus 300HS

HARGA: RM1,499

RESOLUSI: 10MP

SKRIN: LCD lebar 3 inci

ZUM: sehingga 15x dengan kombinasi optikal

DEDAHAN: f/2.0

CIRI LAIN: kesan Fish-eye, kesan Miniature dan cahaya rendah

DIMENSI: 100 x 54.1 x 23.6mm

CANON Marketing (Malaysia), peneraju penyelesaian imej digital dan fotografi memperkenalkan rangkaian terbaru kamera kompaknya daripada

jenama Ixus iaitu Canon Ixus 300HS yang berprestasi tinggi.

Model Canon Ixus 300HS dengan kamera CMOS 10 megapiksel dilengkapi pemproses pengimejan Digic 4 memiliki keupayaan merakam gambar dalam pergerakan pantas iaitu lapan gambar dalam High Speed Burst Mode.

Model terbaru ini juga berkeupayaan menyokong penggunaan kad memori SDXC sehingga dua terabit untuk rakaman video dan penyimpanan gambar serta didatangkan dalam tiga warna pilihan iaitu putih, merah dan hitam.